

## Reaksi

Perdana Menteri juga ditanya sama ada benar atau tidak satu perwakilan MCA telah pergi ke Seoul untuk meminta Datuk Dr Neo meletakkan jawatannya dan sama ada beliau mengetahui perkara itu.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata, beliau diberitahu mengenai perkara itu memandangkan menteri-menteri Kabinet perlu mendapatkan kelulusannya untuk pergi keluar negeri.

Ditanya mengenai perasaannya melucutkan jawatan Datuk Dr Neo, beliau berkata: "Perasaan saya mengenai isu ini bukanlah penting sangat. Apa yang terjadi kepada negara, MCA, masyarakat Cina dan BN adalah lebih penting."

Mengenai reaksi Datuk Dr Neo terhadap keputusan itu, beliau berkata, Datuk Dr Neo kelihatan tenang dan menerima keputusan itu.

Beliau juga menjelaskan, kekosongan jawatan Datuk Dr Neo itu tidak akan diisi buat sementara waktu.

# Datuk Neo gugur daripada Kabinet

BM 12 AUG 1985

**KUALA LUMPUR, Sabtu —** Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menjelaskan, beliau menamatkan perkhidmatan Datuk Dr Neo Yee Pan sebagai anggota Kabinet atas budi bicaranya sebagai Perdana Menteri.

"Keputusan itu saya buat atas budi bicara saya sebagai Perdana Menteri. Saya tidak perlu memberi sebarang sebab," katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat Majlis Tertinggi Barisan Nasional di sini hari ini.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata, surat menamatkan perkhidmatan Datuk Dr Neo bertarikh 16 Ogos dan telah disampaikan oleh seorang utusan kepada pemimpin MCA itu pagi tadi sebelum mesyuarat Majlis Tertinggi BN.

Beliau juga enggan mengulas sama ada ia dibuat kerana Datuk Dr Neo telah menjadi 'penghalang' dalam usaha menyelesaikan krisis itu.

Bagaimanapun, apabila ditanya berulang kali, beliau berkata, ada beberapa permintaan daripada beberapa pihak, terutama dalam masyarakat Cina, supaya Datuk Dr Neo melepaskan jawatan Pemangku Presiden MCA.

Perdana Menteri juga ditanya sama ada dalam membuat keputusan menamatkan jawatan Datuk Dr Neo sebagai menteri, beliau telah memikirkannya dengan panjang lebar dan secara halus.

Datuk Seri Dr Mahathir menjawab: "Saya biasanya berfikir secara halus dan panjang lebar sebelum membuat sesuatu keputusan. Saya rasa saya telah melakukan perkara yang betul."

Beliau juga mengesahkan telah menemui Datuk Dr Neo pada hari Selasa setelah beliau (Datuk Dr Neo) pulang daripada bercuti di Seoul.

Katanya, dalam pertemuan itu, Datuk Dr Neo mengulangi keputusannya tidak akan melepaskan jawatannya sebagai Pemangku Presiden MCA walaupun ada usaha di kalangan pemimpin tertentu MCA yang memintanya meletakkan jawatan itu.